

Terma dan Syarat National Addressing Database

Di dalam Terma dan Syarat DuitNow ini ("**Terma**"), sebarang rujukan kepada "**anda**" adalah merujuk kepada pelanggan Bank yang menggunakan perkhidmatan *National Addressing Database* (NAD). Sebarang rujukan kepada "**kita**" dan "**kami**" adalah merujuk kepada Bank.

Terma ini mentadbir penggunaan perkhidmatan NAD yang disediakan oleh Bank dan akan dibaca bersama Terma dan Syarat DuitNow, Terma dan Syarat Am untuk Perbankan Dalam Talian AmBank (untuk pelanggan runcit sahaja) dan Terma dan Syarat Am untuk Akaun dan Perkhidmatan dan mana-mana terma dan syarat berkaitan yang mengawal mana-mana produk, transaksi dan/atau perkhidmatan yang diberikan oleh Bank. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan/ketidaksekatan di antara mana-mana terma dan syarat, Terma ini hendaklah diguna pakai untuk perkara yang berkaitan dengan NAD.

1. Tafsiran

"**Akaun**" merujuk kepada akaun wang elektronik ditawarkan oleh penerbit wang elektronik dan semua jenis akaun simpanan yang ditawarkan oleh bank-bank kecuali akaun simpanan tetap. Ini adalah termasuk dan tidak terhad untuk semua akaun simpanan, akaun semasa, akaun Wadiah, akaun Mudharabah, dan akaun maya internet.

"**Bank**" merujuk AmBank (M) Berhad (No. Syarikat: 8515-D) ("**AmBank**") dan AmBank Islamic Berhad (No. Syarikat: 295576-U) ("**AmBank Islamic**"), syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftar mereka di Level 22, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"**DuitNow**" merujuk kepada suatu perkhidmatan yang membolehkan pelanggan untuk membuat dan menerima pemindahan kredit dengan menggunakan nombor akaun penerima atau ID DuitNow.

"**ID DuitNow**" merujuk kepada pengenal pasti pemegang akaun seperti nombor telefon mudah alih, nombor kad pengenalan (NRIC), nombor pasport, nombor tentera atau nombor polis (bagi pelanggan individu) atau nombor pendaftaran perniagaan (bagi pelanggan korporat) atau mana-mana pengenal umum lain yang diperkenalkan oleh Operator NAD dari semasa ke semasa.

"**Wang Elektronik**" merujuk kepada kaedah pembayaran yang mempunyai nilai kewangan yang dibayar terlebih dahulu oleh pengguna kepada penerbit e-duit.

"**Akaun Wang Elektronik**" merujuk kepada satu instrumen pembayaran yang menyimpan dana secara elektronik sebagai pertukaran terhadap dana yang dibayar kepada penerbit wang elektronik dan dapat diguna pakai sebagai medium untuk membuat bayaran kepada mana-mana individu selain daripada penerbit wang elektronik tersebut.

Terma dan Syarat **National Addressing Database**

“Penerbit Wang Elektronik” merujuk kepada penyedia perkhidmatan yang menyediakan kemudahan wang elektronik.

“Malware” merujuk kepada virus komputer, pepijat atau sebarang perisian, kod, program, ejen atau makro virus yang berunsur merosakkan, memusnah dan tercemar dan/atau memancing data atau skim kejuteraan sosial yang menggunakan perisian komputer atau telekomunikasi untuk mendapatkan data peribadi atau mana-mana maklumat peribadi lain untuk tujuan-tujuan merosakkan atau penipuan.

“National Addressing Database” atau **“NAD”** merujuk kepada pangkalan data pengalamanan nasional yang ditubuhkan oleh Operator NAD yang menghubungkan satu bank atau akaun wang elektronik kepada ID DuitNow penerima dan membantu proses pembayaran penerima dengan hanya merujuk kepada ID DuitNow penerima.

“Pertanyaan Nama NAD” merujuk kepada satu perkhidmatan yang mempamerkan nama pemilik yang telah mendaftar ID DuitNow di dalam NAD.

“Operator NAD” merujuk kepada Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet).

“Data Peribadi” merujuk kepada sebarang maklumat berkenaan dengan transaksi komersil yang berkaitan secara langsung atau secara tidak langsung kepada seorang pelanggan, yang dikenalpasti atau boleh dikenalpasti daripada maklumat tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada nama pelanggan, alamat, nombor kad pengenalan, nombor pasport, maklumat perbankan, alamat e-mel dan maklumat hubungan.

“ID Umum” merujuk kepada suatu pengenalan unik seseorang pelanggan yang menghubungkan semua ID DuitNow yang didaftarkan oleh pelanggan seperti nombor kad pengenalan, nombor askar atau nombor polis, atau nombor pasport untuk bukan rakyat Malaysia.

2. Perkhidmatan NAD

- a. Perkhidmatan NAD membenarkan anda menghubungkan Akaun anda yang didaftarkan dengan kami kepada ID DuitNow.
- b. Dengan menghubungkan ID DuitNow anda kepada Akaun anda, anda mempunyai pilihan untuk menerima dana menerusi DuitNow atau mana-mana perkhidmatan pembayaran lain dengan menggunakan ID DuitNow anda.
- c. Semasa pendaftaran ID DuitNow ke dalam NAD, anda juga akan memberikan ID Umum anda kepada kami untuk dihubungkan kepada Akaun anda bersama-sama dengan ID DuitNow anda. ID Umum anda akan digunapakai oleh peserta-peserta NAD yang lain untuk mengenal pasti anda, yang juga merupakan sebahagian daripada perkhidmatan DuitNow.

Terma dan Syarat
National Addressing Database

- d. Anda boleh menghubungkan lebih daripada satu ID DuitNow anda kepada satu Akaun yang sama. Bagaimanapun, anda tidak boleh menghubungkan satu ID DuitNow kepada pelbagai akaun.

3. Pemindaan dan Pembatalan Pendaftaran ID DuitNow anda

- a. Anda boleh mengemaskini atau mengubah ID DuitNow anda yang dihubungkan kepada Akaun anda melalui saluran yang disediakan oleh Bank. Kami memerlukan tempoh maksima sepanjang tiga (3) hari untuk melaksanakan kemaskini atau perubahan tersebut.
- b. Anda faham dan bersetuju bahawa ID DuitNow anda yang dihubungkan kepada Akaun anda mungkin akan dibatalkan pendaftarannya oleh anda atau kami, atas sebab-sebab berikut:
- I. Anda ingin memindahkan ID DuitNow yang sedia ada kepada Akaun yang terdapat di bank lain;
 - II. Anda telah mengubah/mengemaskini ID DuitNow anda;
 - III. Anda telah menutup Akaun anda yang dihubungkan kepada ID DuitNow;
 - IV. Nombor telefon mudah alih anda yang telah didaftarkan dengan kami sebagai ID DuitNow anda telah ditamatkan dan telah diguna pakai semula oleh penyedia perkhidmatan;
 - V. Selepas suatu tempoh ketidakaktifan; atau
 - VI. Selepas siasatan, kami mendapati bahawa anda atau ID DuitNow anda terlibat atau mungkin terlibat dalam mana-mana aktiviti penipuan.
- c. Anda akan menerima suatu pengesahan tentang pembatalan pendaftaran daripada kami melalui SMS atau e-mel sebaik sahaja pembatalan pendaftaran disahkan.

4. Maklumat anda

- a. Anda menjamin bahawa ID DuitNow yang digunakan untuk pendaftaran dengan NAD adalah kepunyaan anda dan ianya betul, lengkap dan mutakhir untuk penggunaan perkhidmatan ini dan anda akan segera memberitahu kami jika terdapat sebarang perubahan kepada maklumat ID DuitNow yang telah diberikan kepada kami.
- b. Anda mengakui dan bersetuju bahawa peserta-peserta NAD yang lain boleh melaksanakan carian Nama NAD terhadap ID DuitNow anda untuk tujuan pengesahan/mengenalpasti nama anda dengan ID DuitNow yang telah didaftarkan, yang merupakan sebahagian daripada perkhidmatan DuitNow.
- c. Anda mengakui dan memberi kebenaran kepada kami untuk mendedahkan ID DuitNow anda, ID Umum anda dan lain-lain Data Peribadi yang berkaitan kepada Operator NAD bagi tujuan pemrosesan, penyimpanan, dan pengarkiban serta pendedahan kepada pengirim dana di bawah perkhidmatan DuitNow, anak-anak syarikat, sekutu-sekutu, penyedia-penyedia

Terma dan Syarat **National Addressing Database**

perkhidmatan, peserta-peserta NAD yang lain serta mana-mana pihak ketiga yang menawarkan perkhidmatan DuitNow termasuk pelanggan-pelanggan mereka.

- d. Anda mengakui dan bersetuju bahawa kami boleh mendedahkan maklumat ID DuitNow anda kepada sesiapa, apabila kami di bawah obligasi undang-undang, perlu mendedahkan maklumat atau apabila ianya melibatkan kepentingan awam, sebagai contoh untuk menghalang atau mengesan penipuan serta sebarang penyalahgunaan.

5. Perlindungan Data

- a. Kebenaran anda dan hak kami untuk mendedahkan maklumat adalah sebagai tambahan kepada dan tanpa prejudis terhadap hak anda di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan undang-undang lain yang digunapakai di Malaysia.
- b. Kami hanya akan mendedah, mengguna dan memproses ID DuitNow anda untuk tujuan penawaran perkhidmatan DuitNow.
- c. Kami telah menetapkan langkah-langkah keselamatan yang munasabah (teknikal dan organisasi) bagi menghalang sebarang pemrosesan ID DuitNow anda yang menyalahi undang-undang atau yang dibuat tanpa kebenaran.
- d. Kami akan memberitahu anda dalam masa yang munasabah sekiranya ID DuitNow anda hilang, musnah, atau rosak, korup atau tidak boleh digunakan.

6. Liabiliti

- a. Kami dan Operator NAD tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami anda akibat daripada, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - I. Kegagalan anda untuk membekalkan maklumat terkini dan kegagalan anda memberikan maklumat yang betul kepada kami;
 - II. Pematuhan kami terhadap sebarang arahan yang diberikan atau yang dikatakan diberikan oleh anda yang jelas kepada orang yang munasabah menerima arahan itu;
 - III. Sebarang penyalahgunaan atau penipuan terhadap kegunaan ID DuitNow anda termasuk situasi di mana penipuan dalam talian akibat daripada apa-apa *Malware*; dan
 - IV. Sebarang pendedahan terhadap apa-apa maklumat yang anda telah memberi kebenaran kepada kami untuk mengumpul, menggunakan atau mendedahkan, atau di mana pengumpulan, penggunaan atau penzahiran itu dibenarkan atau dikehendaki untuk didedahkan di bawah undang-undang di Malaysia.

Terma dan Syarat
National Addressing Database

- b. Anda mengakui dan bersetuju untuk menanggung rugi sepenuhnya terhadap Bank terhadap semua kerugian, kerosakan, tuntutan, permintaan, kos dan semua jenis tanggungan lain yang mungkin dikenakan/ditanggung oleh Bank akibat daripada Bank menerima dan bertindak atas arahan anda dengan suci hati, sama ada secara lisan / bertulis / melalui apa-apa saluran komunikasi yang diberikan oleh Bank.

7. Lain-lain

- a. Anda mengakui bahawa kami mempunyai hak untuk mengubah, meminda atau mengubahsuai Terma ini dengan memberi anda dua puluh satu (21) hari notis melalui apa-apa kaedah yang difikir sesuai oleh kami dan anda bersetuju untuk terikat dengan Terma tersebut seperti dibatalkan atau dipinda atau diubahsuai.
- b. Anda juga bersetuju bahawa Bank boleh memberi notis pindaan Terma dan Syarat melalui salah satu / lebih daripada satu cara yang berikut:
- I. Notis di papan notis / mana-mana bahagian di cawangan Bank yang mudah;
 - II. Notis yang dipaparkan di skrin terminal elektronik Bank;
 - III. Notis di laman web Bank;
 - IV. Notis di dalam penyata Akaun berkala;
 - V. Notis secara bertulis dalam format Bank kepada alamat anda berdasarkan padarekod Bank; dan
 - VI. Notis melalui apa-apa cara lain yang Bank fikirkan sesuai pada budi bicara mutlaknya.
- c. Terma ini adalah ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan anda bersetuju menyerah diri tanpa syarat kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia untuk memutuskan semua dan atau apa apa pertikaian berkaitan dengan Terma ini.